

Penggunaan Portal SLS Dalam Meningkatkan Keseronokan Pembelajaran Peribahasa

Norlizah Ali

norlizah_ali@schools.gov.sg

Norliza Sukri

norliza_sukri@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Woodlands Ring

Abstrak

Pembelajaran peribahasa merupakan satu cabaran yang perlu diatasi guru terutama apabila murid mempelajarinya buat kali pertama. Kajian ini bertujuan untuk merangsang pelibatan setiap murid mempelajari peribahasa dengan menggunakan aplikasi *Nearpod*. Pengajaran peribahasa menjadi lebih menarik dengan mengadakan kuiz yang bervariasi. Pengkaji menggunakan aplikasi *Nearpod* untuk merangsang minat murid. Ini menjadikan PdP peribahasa menyeronokkan. Kajian ini juga menggunakan strategi pengajaran secara eksplisit. Murid akan didedahkan kepada pembelajaran menggunakan pencontohan dan secara visual. Teknik penyilaian menggunakan kuiz diterapkan untuk menvariasikan pengajaran menerusi *Nearpod*. Dapatan kajian menunjukkan murid dapat mempelajari peribahasa dengan lebih berkesan dengan penggunaan wahana ICT.

Kata kunci: pembelajaran eksplisit, keseronokan belajar, penerapan kuiz dan teknologi, *Nearpod*

PENGENALAN

Peribahasa mempunyai unsur penting dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa. Dengan menerapkan PdP peribahasa yang menarik dan berkesan, guru dapat meningkatkan kemahiran berbahasa kepada murid. Selain daripada memahami kesesuaian konteks penggunaannya dalam ayat dan pemaknaan, murid yang dapat menguasainya juga boleh membentuk penulisan ayat dalam karangan agar menjadi lebih indah dan menepati kehendak isi dan cerita dengan tepat. Peribahasa mengandungi nasihat, teguran, ingatan secara berkias atau sebagai sindiran yang juga boleh membina jati diri.

Generasi muda kini kurang aktif dalam menyemarakkan warisan bangsa yang kaya dengan falsafah, pemikiran dan moral bangsa Melayu untuk dijadikan pedoman hidup. Guru berperanan untuk menyemarakkan pembelajaran yang bersesuaian dengan keinginan murid mempelajari bahasa secara seronok menggunakan teknologi.

Mohd Tajuddin Bin Hj. Abdul Rahman (1986: iv) berpendapat bahawa seseorang yang dapat menggunakan peribahasa berkenaan di tempat-tempat yang betul, baik dalam percakapan mahupun tulisan, akan memberikan satu gambaran tentang kemahiran menggunakan sesuatu bahasa. Kesulitan untuk mengingat dan menghafal peribahasa turut diperkatakan oleh Ishak Ramly (1990: 283).

R.J Wingfield (1968:231) pula berpendapat bahawa dalam pengajaran peribahasa, murid perlu didedahkan dengan budaya bangsa peribahasa itu dan peribahasa yang diajar perlu dipilih dengan teliti untuk memberi kefahaman dan galakan kepada murid untuk terus menggunakannya.

PERNYATAAN MASALAH

Senarai peribahasa di dalam sukatan pembelajaran sudah dikemas kini dan diperkenalkan kepada murid secara berperingkat dalam unit buku Cekap bermula dari Darjah 3. Kepentingan peribahasa merupakan aspek



penting selain daripada sebagai komponen peperiksaan yang diuji untuk meningkatkan kemahiran bahasa murid. Di peringkat Darjah 3 dan 4, murid harus memahami 30 peribahasa yang sudah tersenarai. Jika seseorang murid tidak dapat menguasai aspek peribahasa yang sudah diajar, mereka berkemungkinan menghadapi kepayahan apabila meningkat ke Darjah 5 dan 6 apabila diperkenalkan 30 peribahasa lain.

Walaupun setiap peribahasa sudah diperkenalkan secara berperingkat, terdapat sejumlah besar murid yang belum mahir menjawab komponen ini. Murid mudah lupa tentang makna peribahasa yang sudah diajarkan terutamanya apabila digunakan dalam konteks ayat. Salah satu cara yang boleh diterapkan untuk membantu murid mengingat dengan lebih berkesan ialah melalui latih tubi. Namun, setelah melakukan banyak latihan di dalam kelas, didapati masih ramai yang sukar untuk menghafal atau mengingat peribahasa dan maknanya.

Setiap soalan peribahasa membawa 2 markah dan hanya seorang murid sahaja yang mendapat markah penuh manakala sejumlah besar murid mendapat separuh markah atau tidak lulus. Pengajaran menggunakan pena dan kertas kurang memberi impak terhadap pembelajaran peribahasa. Dengan ini, guru mahu menerapkan penggunaan teknologi yang boleh meningkatkan pelibatan murid secara penuh menerusi pengajaran. Guru juga menggunakan kuiz yang pasti dapat merangsang minat murid terutamanya murid dari kumpulan praaras kebolehan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk memantau dan mengkaji:

1. keberkesanan pengajaran peribahasa dengan menggunakan ICT; dan
2. pengajaran peribahasa dalam suasana menyeronokkan bagi meningkatkan pelibatan penuh setiap murid.



KAJIAN LEPAS

Menurut Butler (1993), teknologi merupakan sebuah alat konstruktif yang memudahkan pembelajaran murid secara autentik dan inklusif. Penggunaan bahan ICT yang melibatkan aspek interaktif mampu menggalakkan hasil pembelajaran dengan cara yang pelbagai (Gee, 2003).

Dalam kajian Beránek, Feuerlicht, Kovář, Petkovová dan Vacek (2016), maklum balas segera yang disediakan oleh aplikasi *Nearpod* telah diterima secara positif oleh murid yang mendapati diri mereka menjadi murid yang lebih aktif dan dapat mengenal pasti kelemahan mereka sendiri.

Menurut Abdullah Hassan (2003), peribahasa dikatakan sebagai cerminan watak bangsa yang memilikinya. Peribahasa juga penting dalam konteks penelitian warisan dan ketrampilan pengguna bahasa. Dalam peribahasa, tersirat makna yang cukup mendalam dan tepat sehingga membolehkan komunikasi lisan atau tulisan menjadi lebih lancar dan berkesan. Kewujudan peribahasa adalah serentak dengan kewujudan sesebuah bangsa dan terus berkembang dalam proses manusia menyesuaikan diri dengan kehidupan sehariannya. Oleh itu, *Nearpod* merupakan satu alat sesuai yang dapat membantu murid mencapai tahap yang lebih baik dalam pemahaman peribahasa dalam kajian ini.

Nattinger, De Carrico, (1992) menyatakan bahawa Tajali & Tehrani (2009) menyifatkan peribahasa sebagai suatu fenomena bahasa yang menentukan leksikal bahasa kiasan yang penting. Kebolehan menggunakan bahasa kiasan dengan baik dan tepat berupaya menentukan kelancaran berbahasa. Malahan, menurut Fernando (1996), tiada penterjemah atau guru bahasa mampu memperlekehkan pengajaran peribahasa di dalam kelas. Fernando berpendapat bahasa kiasan menjadikan bahasa itu menarik dan berwarna-warni.

Menurut Crick, Pawley and Syder (1983) dalam kajian Tajali & Tehrani (2009), kelancaran penutur jati bukan hanya tergantung pada kosa kata yang tersimpan sebagai kosa kata tersendiri, tetapi juga sebahagian daripada frasa.



Namun, murid yang hanya mempelajari makna perkataan-perkataan secara berasingan memerlukan lebih masa untuk menyatakan pendapat mereka. Oleh itu, penting untuk murid mempelajari peribahasa dalam bentuk bahasa kiasan.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, pengajaran secara eksplisit telah dilaksanakan dengan penggunaan *Nearpod* di dalam kelas menggunakan *iPad*. Pelibatan setiap murid dapat dipantau semasa pelajaran dijalankan. Murid akan belajar dan memberi respons terhadap setiap penerangan. Dengan ini, guru dapat memantau jika mereka memberi tumpuan yang diinginkan. Setelah itu, murid berpeluang untuk menjawab soalan-soalan yang sudah dibina menerusi beberapa jenis teknik penyoalan yang ada di dalam *Nearpod*.

Subjek Kajian

Subjek kajian merupakan murid Darjah 3 praaras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 15 orang. Murid telah didedahkan kepada penggunaan aplikasi *Nearpod*.

Instrumen Kajian

Pengajaran eksplisit dijalankan menerusi aplikasi *Nearpod* untuk mengukuhkan pemahaman murid. Gambar-gambar digunakan untuk merangsang pembelajaran peribahasa terutama sekali bagi murid yang lebih cenderung kepada pembelajaran secara visual. *Nearpod* merupakan aplikasi yang mudah dan ringkas digunakan. Terdapat Kuiz, *Open-ended*, *Draw It*, *Matching Pairs*, *Time to Climb*. Ini merangsang minda murid untuk mempelajari peribahasa dengan cara yang lebih bervariasi.

Kad *Quiz-Quiz-Trade* dan aplikasi *Kahoot!* juga digunakan untuk aktiviti pengukuhan. Murid mendapat peluang untuk mengulang kaji peribahasa yang telah dipelajari. Selain daripada itu, lembaran kerja pengajaran pembezaan (DI) digunakan sebagai aktiviti susulan untuk memeriksa pemahaman murid.



Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan pada semester kedua tahun 2019 selepas markah komponen peribahasa diperolehi. Pengajaran *Nearpod* dijalankan setiap minggu. Murid mempunyai peluang untuk melaksanakan aktiviti secara berpasangan dan individu. Murid sudah didedahkan kepada penggunaan ICT melalui program darmawisata ICT di sekolah.

Kajian PdP ini dijalankan untuk memastikan murid tidak berasa bosan dengan pengajaran yang diajar melalui latih tubi di dalam lembaran kerja atau buku latihan semata-mata. Penggunaan ICT mempunyai tarikan kepada generasi murid masa kini. Pengajaran ini juga melibatkan penggunaan gambar-gambar yang akan menyokong pembelajaran murid secara visual agar mereka dapat mengingat peribahasa yang tersenarai.

Murid juga perlu dibimbing dengan contoh yang pelbagai agar mereka lebih memahami apa yang disampaikan guru. Guru mahukan pelibatan penuh daripada setiap murid bermula daripada pengajaran dan penerapan terhadap apa yang sudah difahami. Pemilihan *Nearpod* sebagai wadah pengajaran dapat membantu guru meneliti respons murid dan mengenal pasti kesalahan yang kerap berlaku. Guru boleh memantau dan menilai secara formatif berdasarkan respons murid di dalam kelas. Guru meneliti dengan tepat sama ada setiap murid benar-benar sudah menguasai setiap peribahasa yang sudah diajar. Terdapat murid yang dianggap kurang memberi respons atau kurang keyakinan diri untuk menjawab.


Guru memilih pengajaran menerusi *Nearpod* supaya dapat mengawal kandungan yang boleh dilihat oleh murid di skrin. Aplikasi *Nearpod* ringkas dan mudah digunakan dan bersesuaian dengan murid Darjah 3 kerana mempunyai arahan yang jelas dan kuiz permainan yang dapat menarik perhatian murid. Semua murid mempunyai pengalaman menggunakan *iPad* dan masalah teknikal yang mungkin akan timbul adalah minimal berbanding dengan penggunaan komputer.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data yang digunakan dalam kajian ini diambil dari dua sumber. Fokus diberikan kepada markah komponen peribahasa untuk peperiksaan SA1 dan SA2. Rajah 1 berikut menunjukkan daripada data yang dikumpulkan, terdapat peningkatan bagi markah murid. Jumlah murid yang mendapat markah 4 ke bawah berkurangan sebanyak 60%. Dalam peperiksaan SA1, hanya 26.7% murid yang lulus dalam komponen peribahasa. Dalam peperiksaan SA2, 86.7% murid lulus.

Rajah 1 : Dapatan Markah Peribahasa Dalam Peperiksaan SA1 & SA2



Selain daripada peningkatan yang terdapat dalam markah, murid juga lebih berkeyakinan untuk menggunakan peribahasa dalam penulisan karangan. Secara tidak langsung, kemahiran murid menggunakan peribahasa dengan baik dapat meningkatkan kualiti penulisan karangan.

KESIMPULAN

Kepelbagaian aktiviti dalam aplikasi *Nearpod* telah dapat menyemarakkan pembelajaran dan penglibatan aktif murid secara berkesan. Guru dapat meneliti respons murid melalui laporan yang dihasilkan dalam aplikasi *Nearpod* dan menggunakan data yang terkumpul untuk memperbaiki pelajaran tersebut. Dengan lebih banyak pengajaran menggunakan platform ini, murid menjadi lebih mahir dalam penguasaan peribahasa. Ini dapat dilihat

menerusi pencapaian mereka dalam peperiksaan SA2.

Selain daripada itu, murid lebih terlibat dalam pembelajaran di kelas. *Nearpod* sebagai platform terbukti berkesan untuk guru dan murid dalam PdP peribahasa.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Sri Rahayu Ramlan

RUJUKAN

H. Jonsdottir, G. Stefansson, (2014). From evaluation to learning: Some aspects of designing a cyberuniversity, *Computers & Education*, vol. 78, pp. 344- 351, 2014.

Jurnal dewan bahasa (1998) Volume 42, Issues 1-6, Dewan Bahasa dan Pustaka.

MacDonald. E, (2009). *The Mindful Teacher*. Teachers College Press: New York

M. Beránek, G. Feuerlicht, V. Kovář, L. Petkovová, V. Vacek, (2014). "Evaluating the Impact of an Interactive Classroom Application on Student Learning Outcomes."

Wingfield, R.J. (1968). English Idiom in a Second Language Situation. *English Language Teaching* 22.

Zarei.A (2001). Idioms Learning through Cooperative Teaching Techniques. Dipetik pada 5 September 2019 dari https://www.researchgate.net/publication/312470331_L2_Idioms_Learning_through_Cooperative_Teaching_Techniques

